

Ucapan Sempena Multaqa Ulama Asia Tenggara 2019

By : YAB. TUN DR MAHATHIR BIN MOHAMAD, PERDANA
MENTERI MALAYSIA

Venue : MOVENPICK HOTEL AND CONVENTION CENTRE, KLIA

Date : 19/11/2019

1. Alhamdulillah. Bersyukur kita ke hadrat Allah SWT atas segala nikmat kurniaanNya maka dapat kita bersama-sama menyempurnakan program Multaqa Ulama Asia Tenggara 2019 anjuran bersama Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia dan Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan.

2. Bersyukur kita kerana multaqa dengan tema “WAWASAN KEMAKMURAN DAN KEDAMAIAN RAHMATAN LIL-ALAMIN” telah dapat diadakan dengan jayanya.

MEMBELAKANG AJARAN ISLAM SEBENAR

3. Apabila kita berusaha untuk menganjur multaqa seperti ini sudah tentu ia adalah kerana kita menyedari akan masalah Islam dan orang Islam yang perlu kita bincang dan cuba mencari penyelesaian.

4. Kita perlu tahu apakah sebabnya umat Islam sekarang ini mengalami tekanan dari berbagai pihak, dalam berbagai arena, tanpa dapat mempertahankan diri dan berjaya menangkis nasib yang buruk ini. Untuk mengenali dan memahami masalah ini, kita perlu ada perbincangan yang mendalam. Jika kita tahu sebab-sebab maka mungkin kita dapat tentukan cara dan jalan untuk keluar darinya.

5. Kita semua tahu asas Islam ialah wahyu Allah SWT kepada Nabi Muhammad SAW. Semua firman Allah terdapat dalam Al-Quran. Selain dari itu terdapat hadith yang diriwayatkan oleh sahabat-sahabat Nabi.

6. Seperkara lagi ialah Islam bukan semata-mata satu agama satu kepercayaan, tetapi ia juga adalah satu cara hidup. Apakah cara hidup Islam. Sudah tentu panduan terhadap kehidupan kita sebagai orang Islam perlu berpandu kepada ajaran Islam terutama yang berada dalam Al-Quran.

7. Untuk ini kita sasarkan untuk Kemakmuran dan kedamaian Rahmatan Lil-alamin.

8. Perbincangan dalam multaqa ini tentulah mendedahkan keadaan kehidupan orang Islam dan sebab-sebab mereka tidak makmur dan tidak ada dalam keadaan terselamat.

9. Yang kita tahu ialah pada satu masa dahulu umat Islam telah mendirikan satu tamadun yang tinggi yang dihormati oleh dunia. Orang Islam dan Negeri-negeri tidak mudah diserang atau ditekan. Mereka bukan sahaja maju tetapi mereka berkeupayaan mempertahankan wilayah mereka. Tidak ada perbuatan menghalau mereka dari negeri mereka atau keperluan mereka tinggal negeri mereka kerana sudah tidak selamat.

KEMUNDURAN TAMADUN ISLAM

10. Sebaliknya Negara Islam dan umat Islam pada zaman itu menjadi contoh yang ingin ditiru oleh masyarakat lain. Kita tahu bahawa orang Eropah telah mengguna tamadun Islam untuk Renaissance (Kelahiran semula) mereka.

11. Tetapi selepas tamadun Islam mencapai kemuncaknya, maka berlakulah kemerosotan dan kejatuhan tamadun berkenaan. Proses ini berterusan sehingga Negara-negara Islam diserang dan jatuh ke tangan orang-orang Barat dan menjadi jajahan takluk mereka.

12. Walaupun Negara-negara Islam kemudian merdeka semula tetapi keadaan mereka tidaklah mencerminkan tamadun mereka yang lama. Sebaliknya banyak Negara-negara Islam tidak pun dapat ditadbir dan dibangunkan dengan baik. Negara mereka tidak aman dan rusuhan umat dan perang saudara sering berlaku.

13. Tentulah timbul soalan kenapakah dahulu setelah puak jahiliah menerima Islam, mereka berdaya dirikan satu tamadun yang tinggi yang menguasai wilayah dari Cina di Timur hingga Sepanyol (Andalusia) di barat. Tidak mungkinkah kita hidup semula tamadun ini. Tidak mungkin kita makmur semula dan hidup dalam keadaan selamat dalam kedamaian Rahmatan Lil-Alamin.

14. Apakah agama Islam itu sendiri yang menjadi halangan atau apakah musuh-musuh Islam yang menghalang.

15. Menentukan sebab ialah sebahagian dari usaha penyelesaian masalah. Saya berdoa multaqa ini dapat mengenal pasti sebab secara ikhlas dan jujur. Hanya menyalah orang lain tidak akan menyedar mereka untuk menentukan kita terselamat dan makmur. Adalah tidak rasional mengharap orang lain bertindak supaya kita dapat nikmat dan hasil.

16. Adalah lebih rasional mengenal pasti dimana kesilapan kita. Ini kerana kita lebih mungkin bertindak untuk menyelamatkan diri kita. Dalam hal ini kita perlu menerima kenyataan. Kita perlu sanggup terima fakta akan kesalahan kita. Selagi kita tidak sanggup menyalahkan diri kita selagi itulah kesalahan itu akan berterusan. Dan akan berterusanlah juga keadaan buruk yang menimpa kita. Dan multaqa ini pun akan menjadi sia-sia sahaja.

17. Tetapi ini adalah suatu kemungkinan jika kita ikhlas untuk tahu masalah kita dan dengan ikhlas kita berusaha untuk memperbaikinya. Saya percaya Allah SWT akan makbulkan doa kita setelah kita berusaha supaya kita berada diambang tamadun Islam, Inshallah.

18. Akhir sekali saya ingin ucap berbanyak terima kasih kepada semua yang hadir pada hari ini. Dan terimakasih serta tahniah kepada YADIM dan MAIWP serta ahli jawatankuasa yang telah bertungkus lumus menjayakan Majlis Multaqa Ulama Asia Tenggara ini.

Wabillahi taufiq wal hidayah wassalamualaikum warahmatullahi wa barakatuh. Sekian, terima kasih.

Copyright of the Prime Minister's Office Official Website

Source: <https://www.pmo.gov.my/2019/11/ucapan-sempena-multaqa-ulama-asia-tenggara-2019/>